

e-BULETIN

EDISI 18

MYGovUC 2.0

KATA-KATA ALUAN PENGURUS PROJEK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



Alhamdulillah, segala puji penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama lagi di dalam e-Buletin edisi ke 18 pada bulan ini dan yang terakhir bagi tahun ini. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Natal kepada pengguna MyGovUC 2.0 yang beragama Kristian. Beberapa hari sahaja lagi kita akan meninggalkan tahun 2023 dan tahun 2024 bakal menjelang tiba, Selamat Tahun Baharu 2024 diucapkan kepada tuan/puan. Semoga ketibaan tahun baharu ini akan memberikan suntikan azam yang lebih kukuh dan semangat jitu untuk mencapai kejayaan.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

Tema e-Buletin pada kali ini adalah mengenai Pengurusan E-mel dengan menggunakan fungsi label. Pengurusan e-mel yang efektif dapat meningkatkan produktiviti seorang penjawat awam dalam melakukan tugas harian. Membuat label pada e-mel secara tidak langsung akan memudahkan pengguna dalam membuat carian e-mel.

Antara perkara yang akan diketengahkan di dalam ruangan *Coolstuff* bagi e-Buletin kali ini adalah berkenaan pengurusan e-mel yang efektif seperti tatacara mewujudkan label e-mel. Ruangan Info Keselamatan pula memberikan pendedahan mengenai isu *Online Scam* terbaharu berkenaan Bantuan Rakyat. Langkah - langkah bagi mengesan *Online Scam* turut dikongsikan bagi menambah kesedaran berkenaan jenayah siber ini.

Ruangan *Spotlight* pula dikongsikan info mengenai MySCUC dan kaedah untuk menggunakannya, manakala ruangan Info Terkini pula memaparkan status pengguna terkini dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh MyGovUC 2.0 sehingga bulan Disember 2023.

Semoga dengan info yang dikongsikan pada edisi kali ini dapat dijadikan maklumat tambahan dan seterusnya meningkatkan penggunaan yang optimum bagi perkhidmatan yang telah disediakan kepada pengguna MyGovUC 2.0.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mahanum Binti Daim
Pengurus Projek MyGovUC 2.0
Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama
Infrastruktur Dan Keselamatan ICT
MAMPU

ISI KANDUNGAN

- 1 Pemenang eKuiz 17
- 2 *Coolstuff*
- 3 Info Keselamatan
- 4 *Spotlight*
- 5 Info Terkini

TAHNIAH !

Pemenang eKUIZ e-BULETIN MyGovUC 2.0 Edisi 17



NORLIYANA BINTI MOHD YUNUS
Jabatan Perkhidmatan Awam



NORFAZILA BINTI ABDUL RAZAK
Pejabat Pendidikan Daerah Sibu

INTAN SHAFINAS BINTI MOHAMED ANI
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil
Perusahaan Getah



NURUL AZURIN BINTI BADRUZAMAN
Agensi Nuklear Malaysia

KAMARUL HAQIM BIN ABU KASSIM
Angkatan Pertahanan Awam Putrajaya



NUR SALWA BINTI KHAIRUL ANUAR
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Perak

SAERAHLIAH BINTI RAMLI
Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Terengganu



NURASYIKIN BINTI AZIZAN
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah

AMZARUDDIN BIN ABDULLAH
Jabatan Perikanan Malaysia



NIK MOHD ZAFRIE BIN NIK ABDUL KHALIL
Jabatan Perikanan Pulau Pinang



BERALIH DARI FOLDER KE LABEL

Tahukah anda bahawa Google menawarkan ciri khas Label melalui aplikasi Gmail? Melalui ciri khas ini, pengguna boleh mengkategorikan e-mel dengan lebih mudah dan sistematik. Label berfungsi seperti folder, tetapi terdapat perbezaan antara keduanya.

Anda boleh meletakkan lebih dari satu label ke dalam Gmail. Salah satu ciri menarik penggunaan label adalah anda boleh mencari e-mel yang telah dilabel mengikut kategori hanya melalui satu klik.


FUNGSI LABEL DALAM APLIKASI GMAIL




Tatacara Menggunakan Label dalam Gmail

Mencipta Label Dalam Aplikasi Gmail


1. Pastikan anda telah log masuk ke akaun MyGovUC 2.0 anda.
2. Taip <https://gmail.google.com> pada bahagian alamat pelayar web atau pergi ke bahagian Google Apps dan pilih Gmail.



3. Skrin komputer akan memaparkan akaun Gmail anda.
4. Pada sebelah kiri skrin, klik More. Skrin akan memaparkan pelbagai fungsi tambahan.




5. Pilih Create new label daripada senarai fungsi tambahan yang dipaparkan.
6. Kemudian, namakan label anda dan klik Create.




Anda kini telah mencipta satu label baharu dalam Gmail anda.

Meletakkan Label Pada Aplikasi Gmail


1. Pastikan anda telah log masuk ke akaun MyGovUC 2.0 anda.
2. Taip <https://gmail.google.com> pada bahagian alamat pelayar web atau pergi ke bahagian Google Apps dan pilih Gmail.




3. Skrin komputer akan memaparkan akaun Gmail anda.




4. Pilih e-mel yang ingin dilabelkan.



5. Skrin akan memaparkan beberapa fungsi pada bahagian atas e-mel berkenaan. Klik ikon Labels untuk meneruskan langkah meletakkan Label e-mel yang dipilih.




6. Pilih label sedia ada atau cipta label baharu.



Kini, e-mel anda telah disusun dan dikategorikan mengikut label yang dikehendaki.


Tatacara Mengubah Warna Label




TAHUKAH ANDA?

Anda boleh mengubah warna label anda mengikut keperluan atau kesesuaian. Penggunaan warna yang bersesuaian pada label boleh menjadi pemudah cara untuk pengguna mencari e-mel yang dikehendaki.


1. Pastikan anda telah mendaftar masuk ke akaun MyGovUC 2.0 anda.
2. Taip <https://gmail.google.com> ada bahagian alamat pelayar web atau pergi ke bahagian Google Apps dan pilih Gmail.




3. Skrin komputer akan memaparkan akaun Gmail anda.
4. Pada bahagian kiri, bawah akaun Google anda, skrin akan memaparkan Labels.




5. Klik label yang anda pilih.




6. Klik 3 dot pada label tersebut.




7. Skrin anda akan memaparkan beberapa pilihan penyuntingan seperti berikut.




8. Klik Label color



9. Skrin akan memaparkan beberapa pilihan warna dan anda boleh klik pada mana-mana warna yang anda kehendaki.




10. Anda kini telah berjaya mengubah warna label mengikut warna yang anda kehendaki.



Bantuan Prihatin Nasional, Bantuan Sara Hidup dan Sumbangan Tunai Rahmah adalah bantuan oleh kerajaan yang memberi manfaat kepada hampir semua golongan masyarakat terutamanya golongan miskin dan warga emas. Perkara ini telah diumumkan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim dan salah satu daripada bantuan yang dinyatakan telah dibentangkan dalam belanjawan 2024 pada Oktober 2023.

Walau bagaimanapun, hal ini telah memberi peluang kepada para scammer untuk menipu mereka yang mendapat manfaat ini. Penipuan ini akan berlaku sejurus selepas pengumuman tarikh penerimaan bantuan dinyatakan dan mesej dalam kumpulan awam berkenaan bantuan ini akan tersebar luas dengan pautan phishing yang bukan pautan ke laman web rasmi yang sebenar.



Salah satu laman web pautan pancingan data Bantuan Rakyat

Scammer biasanya menggunakan pautan phishing dan berkongsi melalui media sosial dan mesej teks. Pautan yang ditujukan kepada laman web dicipta oleh scammer biasanya akan meminta nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat e-mel. Selain itu, antara muka laman web juga adalah berbeza dari web yang sebenar dan selalunya dapat dikesan berdasarkan penggunaan bahasa yang kurang baik, kesalahan ejaan pada perkataan, kualiti resolusi gambar yang rendah dan kesalahan penggunaan tatabahasa. Selain itu, kesilapan pada laman web juga boleh dikesan kerana maklumat untuk "hubungi kami" tidak ditemui.

Untuk memulakan percubaan phishing ini, Scammer akan mewujudkan alamat laman web yang menyerupai web yang sebenar dan dipercayai. Sebagai contoh, laman web yang diumumkan oleh kerajaan Bantuan Rakyat biasanya berakhir dengan ".gov.my" boleh diubah kepada ".com" atau ".html", seperti malaysiaapps[.]info-mykasihbatuan[.]com/jk-mykasih dan asas-rahma-foundation[.]apps[.]uk[.]nf/mykasih/index[.]html, atau digit boleh digunakan sebagai ganti huruf, seperti "bantuanunai.hasil.gov.my" menjadi "bantuanunai[.]hasil[.]gov[.]my".

Apabila mangsa melawat laman web phishing yang tidak selamat, pelayar mereka sering memberi amaran dengan memaparkan notis keselamatan seperti "sambungan tidak selamat". Amaran ini mungkin menunjukkan bahawa mangsa berada di laman web phishing. Selain itu, pautan phishing boleh disembunyikan menggunakan pemendek URL, dengan perkhidmatan sah digunakan untuk mengelakkan pengesanan, seperti shorturl[.]at/dvEV3. URL yang dipendekkan, apabila diklik, akan membawa mangsa ke laman web phishing.

CARA – CARA

Mengenal Pasti Laman Web Palsu



01

Sentiasa periksa keaslian maklumat yang diterima dari mana-mana sumber. Dengan maklumat yang mudah didapati, kita boleh mencarinya di Google untuk mendapatkan berita yang boleh dipercayai.



02

Pengguna harus memastikan sambungan mereka selamat dan dienkripsi selain mengesahkan sambungan laman web. Pengguna dikehendaki mengklik ikon kunci yang terletak di sebelah kiri URL sebelum mengakses laman web yang menunjukkan "sambungan tidak selamat".



03

Elakkan mengklik pautan yang anda dapati tidak normal dan mencurigakan. Sentiasa periksa ejaan pautan dan URL yang dipendekkan untuk mengelakkan diarahkan ke laman web yang berbahaya.



04

Pastikan anda lihat dengan teliti pada kandungan atau antara muka laman web. Laman web yang sah biasanya memaparkan pengalaman pengguna (UX) yang direka dengan baik, gambar yang jelas, dan kandungan yang bebas dari ralat.



Sumber:

<https://www.bluevoyant.com/knowledge-center/how-to-identify-a-phishing-website-3-tipsto-prevent-phishing#:~:text=A%20phishing%20website%20typically%20looks,a%20%E2%80%9Ccontact%20us%E2%80%9D%20page.>
https://www.cybersecurity.my/properties_v3/images/infographic/1-scam-bi.jpeg
<https://www.egress.com/blog/phishing/how-to-identify-a-phishing-website>




APA ITU MySCUC ?


MySCUC (*Malaysian Secure Cell Unified Communication*) adalah satu medium penghantaran dokumen terperingkat Sulit dan Terhad dalam perkhidmatan MyGovUC 2.0. Simpanan dokumen di MySCUC adalah bersifat sementara iaitu selama 14 hari sahaja.

TATACARA PENGHANTARAN MAKLUMAT SULIT DAN TERHAD DALAM PERKHIDMATAN MyGovUC 2.0


MEMUAT NAIK DOKUMEN



1) Klik 'Upload file' untuk memuat naik dokumen.




2) Pilih dokumen anda dan klik 'Open'.




3) Dokumen telah berjaya dimuat naik di MySCUC.

COMPOSE E-MEL




9) Klik 'Copy to clipboard' untuk mendapatkan pautan daripada dokumen tersebut.




10) Klik 'Compose' melalui paparan e-mel MyGovUC 2.0 dan masukkan pautan yang dijana daripada MySCUC.

MENJANA PAUTAN



4) Klik 'Share'. Paparan tetapan akan ditunjukkan.


5) Klik '+' pada Share link



6) Cipta kata laluan pada ruangan 'Password protection (enforced)'.

7) Tetapkan tarikh luput pada ruangan 'Expiration date (enforced)'.

8) Klik butang 'Create share'.



11) Masukkan pautan dokumen yang berada dalam MySCUC pada fungsi 'Insert link'.


12) Aktifkan fungsi 'Confidential mode' dengan menetapkan 'Set Expiry', tarikh tamat tempoh kandungan e-mel dan pilih 'No SMS Passcode'.

13) Klik 'Send'.

RUJUKAN

1. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil 1/2021 – Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam.
2. Surat Pekeliling Am Bil 2/2021 – Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan Dalam Perkhidmatan Awam.

TATACARA PENGHANTARAN DAN PENERIMAAN DOKUMEN TERPERINGKAT MELALUI MyGovUC 2.0



- ✓ Penghantaran dan penyimpanan maklumat **data terbuka adalah dibenarkan** dalam persekitaran Google Workspaces MyGovUC 2.0 (*public cloud*).
- ✓ Penghantaran dan penyimpanan maklumat **Rahsia Rasmi (berstatus Sulit dan Terhad sahaja)** perlu menggunakan fungsi **MySCUC (Private Cloud) dan Confidential Mode**.
- ✓ Penghantaran dan penyimpanan maklumat **Rahsia dan Rahsia Besar tidak dibenarkan**.
- ✓ **Rakaman persidangan dalam talian (VC) bagi mesyuarat Rahsia Rasmi adalah tidak dibenarkan**.

STATUS PENGGUNA BAHARU MyGovUC 2.0



KEMENTERIAN

23



AGENSI

195



SUK

3

JUMLAH PENGGUNA 414,550

*Maklumat dikemaskini sehingga Disember 2023




APA YANG BAHARU ?




Frequent Contacts adalah senarai akaun penerima yang kerap berkomunikasi dan berkolaborasi melalui e-mel atau aplikasi Google Workspace (GWS) yang lain. *Frequent Contacts* ini perlu dikemaskini bagi memastikan senarai ini terkini sekiranya terdapat perubahan kepada nama seperti Datuk/Dr/Ts. dan lain-lain lagi.

- 1 Klik Contacts pada Google Apps ' ' di atas sebelah kanan.




- 2 Klik pada Frequent.



- 3 Masukkan alamat e-mel yang ingin dipadam di ruangan Search.



- 4 Klik pada titik tiga seperti di bawah dan pilih butang Delete untuk memadam *contact* tersebut bagi tujuan pengemaskinian.



Aktiviti ini hanya boleh dilakukan kepada akaun penerima yang kerap dihubungi yang terdapat dalam '*frequent contacts*'.




AKTIVITI MyGovUC 2.0



Pameran MyGovUC 2.0 sempena Hari ICT KPWKM 2023

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)
TEMPAT : DEWAN PERDANA NUR, ARAS B1, KPWKM
MASA : 8.30 PAGI – 5.30 PETANG




Latihan Pentadbir UC (SESI 79 & 80)

TARIKH : 23 & 24 NOVEMBER 2023 (KHAMIS & JUMAAT)
TEMPAT : BILIK LATIHAN ICT ARAS 2 UTARA, MAMPU CYBERJAYA
MASA : 8.30 PAGI – 5.30 PETANG



Pameran MyGovUC 2.0 di FINAS

TARIKH : 18 DISEMBER 2023 (ISNIN)
TEMPAT : LOBI UTAMA, FINAS ULU KELANG
MASA : 8.30 PAGI – 5.30 PETANG



Latihan Pengguna di KPWKM

TARIKH : 22 NOVEMBER 2023 (RABU)
TEMPAT : DEWAN PERDANA NUR, ARAS B1, KPWKM
MASA : 8.30 PAGI – 5.30 PETANG



Latihan Pentadbir UC (Mail Relay)

TARIKH : 28 NOVEMBER 2023 (SELASA)
TEMPAT : BILIK LATIHAN ICT ARAS 2 UTARA, MAMPU CYBERJAYA
MASA : 8.30 PAGI – 5.30 PETANG



Diterbitkan oleh:



**Bahagian Pembangunan Perkhidmatan
Gunasama Infrastruktur Dan Keselamatan ICT
Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan
Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri**